

NO. SOALAN: 449

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG

RUJUKAN : 9776

SOALAN:

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tujuan Kerajaan untuk mengeluarkan kad sementara (atau E-kad) kepada pekerja asing tanpa izin (PATI) dan apakah sebab ia hanya dikeluarkan di Semenanjung Malaysia dan bukan semua negeri di Malaysia.

JAWAPAN:

Program *Enforcement Card* (E-Kad) merupakan suatu inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan bertujuan untuk memberi peluang kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia diberikan kad kebenaran bekerja sementara bagi memenuhi sektor formal yang dibenarkan. Program ini turut dirangka untuk memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa. Majikan dan PATI yang telah didaftarkan seterusnya perlu mendapatkan dokumen (Pasport) daripada pihak kedutaan yang berkenaan bagi membolehkan PATI tersebut dibenarkan bekerja melalui program ini.

Pelaksanaan program ini akan dilakukan dengan berhati-hati dan terkawal supaya tidak berlaku kes-kes penipuan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada PATI. Bagi tujuan ini, Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap PATI dan Majikan untuk menyertai Program ini serta akan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar pulang ke Negara asal mengikut prosedur sedia ada iaitu Program 3 +1 bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam Negara.

Mana-mana Majikan yang didapati menggaji PATI tanpa berdaftar dibawah apa-apa Program yang berkuatkuasa sekarang ini akan dikenakan hukuman yang berat mengikut perundangan sedia ada melibatkan kesalahan menggaji PATI iaitu seperti mana tertakluk di bawah seksyen 55 (B) Akta Imigresen 1959/63 yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM 10,000 tetapi tidak lebih RM 50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pelaksanaan Program E-Kad pada masa ini adalah tertumpu kepada Semenanjung Malaysia. Sebarang elemen nilai tambah terhadap Program E-Kad akan dikemaskini demi memastikan kelancaran pelaksanaan bagi tempoh seterusnya. Ini turut termasuk pertimbangan serta kewajaran Program untuk diperluaskan ke Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.